



TUNKU ISMAIL (kiri) menerima watikah pelantikan sebagai Canselor UTHM yang baharu sempena Istiadat Konvokesyen Ke-22 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat semalam.

Tunku Ismail Canselor UTHM baharu

Oleh **ADNAN IBRAHIM**

BATU PAHAT – Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dimasyhurkan sebagai Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Konvokesyen Ke-22 universiti berkenaan di Dewan Sultan Ibrahim, di sini semalam.

Pada majlis itu, Tunku Temenggung Johor, Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim pula dimasyhurkan sebagai Pro-Canselor UTHM.

Sementara Setiausaha Kerajaan Johor, Tan Sri Azmi Rohani pula dilantik sebagai Pro-Canselor UTHM yang baharu.

Sebelum ini, jawatan Canselor UTHM disandang Sultan Johor,

Sultan Ibrahim Sultan Iskandar sejak tahun 2002 hingga awal 2022.

Dalam pada itu, Naib Canselor UTHM, Profesor Dr. Ruzairi Abdul Rahim berkata, seramai 4,484 orang graduan layak menerima sijil masing-masing sepanjang konvokesyen universiti itu dari 3 hingga 8 Disember ini.

Katanya, ia meliputi pelbagai peringkat pengajian iaitu 128 penerima ijazah doktor falsafah, sarjana (255), sarjana muda (3,443) dan diploma (658).

Katanya, istiadat berkenaan turut menyaksikan penyampaian Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Mekanikal kepada bekas Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM (2018 hingga 2021), Datuk Dr. Mohd.

Sofi Osman.

“Penganugerahan itu bagi menghargai sumbangan beliau dalam bidang akademik, pembangunan universiti dan penyelidikan serta modal insan.

“Manakala, bekas Naib Canselor UTHM (2017 hingga 2011), Prof. Datuk Dr. Wahid Razzaly pula menerima Anugerah Profesor Emeritus.

“Ia bagi menghargai sumbangan beliau kepada universiti dan negara terutama dalam bidang teknologi, kejuruteraan dan TVET (Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional,” katanya.

Ujarnya, dengan berlangsungnya istiadat konvokesyen pada kali ini, jumlah graduan UTHM sehingga tahun 2022 mencecah seramai 53,760 orang.